



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1,  
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60 3 2095 3030  
Fax: +60 3 2095 2121

## KENYATAAN MEDIA

# MRT CORP MENGALU-ALUKAN PIHAK BERKUASA MENYIASAT TUDUHAN

### ***Tuduhan dari NGO adalah salah dan tidak berasas***

**Kuala Lumpur, 28 Februari 2017:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berasa amat bimbang atas tuduhan yang dibuat oleh organisasi bukan kerajaan Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil Dan Sederhana Malaysia (IKHLAS) berkaitan dengan isu Pusat Beli-Belah Ampang Park.

MRT Corp ingin menyatakan dengan yakin bahawa tuduhan yang dibuat oleh IKHLAS itu adalah salah dan tidak berasas sama sekali.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berkata NGO tersebut sepatutnya lebih bertanggungjawab sebelum membuat sebarang kenyataan.

"IKHLAS perlu berusaha untuk memeriksa fakta dan menghindarkan dari mengeluarkan kenyataan dengan hanya berdasarkan kepada spekulasi dan khabar angin," kata beliau.

Najmuddin menekankan bahawa isu berkaitan dengan pengesahan proses pengambilan Pusat Beli-Belah Ampang Park telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada 30 Jun 2016, dan oleh Mahkamah Rayuan pada 18 Januari 2017. Kedua-dua mahkamah telah membuat keputusan yang memihak kepada Kerajaan.

Keputusan mahkamah terkini sedang dirayu di Mahkamah Persekutuan. MRT Corp sedang menunggu keputusan rayuan itu dan akan mematuhi keputusan Mahkamah.

"Berhubung dengan seruan agar pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menyiasat perkara tersebut, MRT Corp mengalu-alukan mana-mana pihak berkuasa untuk menjalankan siasat ke atas tuduhan yang telah dibuat berhubung dengan pengambilan Pusat Beli-Belah Ampang Park," kata Najmuddin.

Tambah beliau, MRT Corp bersedia untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa bagi memudahkan penyiasatan.

Untuk pengetahuan semua, tanah yang menempatkan Pusat Beli-Belah Ampang Park diperlukan bagi Stesen MRT Ampang Park masa hadapan untuk dihubungkan dengan



sempurna dengan Stesen LRT Ampang Park yang sedia ada. Stesen MRT Ampang Park adalah sebuah stesen bawah tanah dan merupakan salah satu daripada 35 stesen MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP), sebuah projek yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia.

Integrasi yang sempurna antara Stesen MRT dan LRT Ampang Park adalah penting bagi membolehkan penumpang untuk bertukar dari Laluan SSP dan Laluan LRT Kelana Jaya yang sedia ada dengan mudah. Tanpa integrasi ini, kedua-dua laluan tidak akan dapat dihubungkan sama sekali.

Semasa rundingan untuk menyelesaikan isu ini pada bulan November 2015, MRT Corp telah mencadangkan kepada pemilik bagi 253 lot strata Pusat Beli-Belah Ampang Park untuk mencapai persetujuan bagi kewujudan bersama dengan projek MRT.

Bagi mencapai tujuan ini, 100% pemilik hendaklah bersetuju dengan persetujuan bagi kewujudan bersama kerana ia melibatkan kawasan pemilikan bersama (*common property*) di dalam sebuah harta tanah hak milik strata yang di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013.

Persetujuan bagi kewujudan bersama akan membolehkan terowong MRT dan laluan pejalan kaki bawah tanah antara Stesen MRT dan LRT Ampang Park dibina tanpa pengambilan tanah di bawah Akta Pemerolehan Tanah 1960. Pilihan ini juga akan membolehkan bangunan Pusat Beli-Belah Ampang Park tidak dirobohkan.

Semasa rundingan, tarikh akhir 31 Januari 2016 telah dipersetujui di mana 100% daripada pemilik perlu bersetuju dengan persetujuan bagi kewujudan bersama.

Tarikh akhir ini telah lepas tanpa malklumbalas daripada pemilik strata. Seramai 39 pemilik yang memiliki 62 unit strata kemudiannya telah memulakan semakan kehakiman terhadap pengambilan tanah.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Encik Leong Shen-Li**  
MRT Corp

012-3196602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)

**Cik Amalina Ghazali**  
MRT Corp

016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)